

09 FEB 1998

MSC-Jelajah

MDC ANJUR SEMINAR KE SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn Bhd (MDC) akan menjelajah ke seluruh negara bagi memberi penerangan kepada orang ramai mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Pengarah Perkhidmatan Pelanggan MDC, Dr Muhammad Ghazie Ismail.

Beliau yang mengakui bahawa pengetahuan orang ramai mengenai MSC masih rendah berkata, MDC akan menghubungi syarikat-syarikat tempatan bagi meminta kerjasama mereka bagi menjayakan projek itu.

Dr Muhammad Ghazie berkata mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC akan di sini juga akan membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai MSC.

"Mesyuarat IAP akan memberi banyak publisiti kepada MSC," katanya kepada BERNAMA dalam satu temuramah.

Dr Muhammad Ghazie berkata ramai anggota IAP akan mengadakan seminar dan perbincangan pada mesyuarat itu dan ini akan menarik minat orang ramai.

Bagi ramai rakyat Malaysia MSC masih merupakan satu konsep walaupun dengan usaha melalui iklan dan kempen untuk mendidik mereka, dan hakikat bahawa sebanyak 80 syarikat telahpun beroperasi dengan status MSC.

"Adalah penting untuk menyedarkan orang ramai bahawa MSC bukan lagi merupakan satu konsep. Ia sekarang berjalan. Kita perlu menyampaikan mesej ini kepada rakyat," katanya.

MDC ialah badan yang mengedalikan pelaksanaan projek MSC -- kawasan seluas 750 km persegi di selatan ibu negara yang dikhaskan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Tokoh-tokoh utama antarabangsa dalam teknologi maklumat dan dunia korporat akan menyertai mesyuarat IAP selama dua hari itu bermula Khamis depan dan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara mereka ialah Pengerusi Motorola Inc. Gary Tooker, Presiden dan Ketua Eksekutif Ericsson Dr Lars Ramqvist, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Acer Incorporated Dr Stan Shih dan Pengerusi NEC Dr Tadahiro Sekimoto.

Berbanding dengan mesyuarat pertama IAP di Universiti Stanford tahun lepas, yang hanya disertai oleh syarikat-syarikat komputer, mesyuarat kali ini akan turut disertai oleh syarikat-syarikat telekomunikasi, perisian, kandungan dan pembangunan, animasi, pos produksi dan syarikat filem.

"Sekiranya anda melihat keanggotaan IAP, semua mereka adalah pesaing dalam perniagaan. Untuk mendapatkan mereka supaya datang berbincang isu-isu bersama yang tersimpang daripada kepentingan syarikat mereka sudah tentu akan menyumbang kepada kepentingan global," katanya.

Berhubung dengan kegawatan ekonomi sekarang, Dr Muhammad Ghazie berkata MDC tidak menerima apa-apa laporan mengenai syarikat-syarikat dengan status MSC yang menghadapi masalah akibatnya.

Hanya beberapa syarikat tempatan sahaja yang memberitahu mereka menghadapi masalah mendapat kemudahan kredit daripada bank dan institusi kewangan.

"Buat masa ini tidak banyak maklum balas daripada syarikat-syarikat MSC menghadapi masalah runcing," katanya.

Beliau berkata MSC perlu dianggap sebagai sektor produktif dan institusi kewangan perlu menyokong mereka.

"Tetapi terpulang kepada bank-bank sendiri untuk membuat keputusan," katanya.

Bagaimanapun. menurut Dr Muhammed Ghazie, hampir semua

syarikat-syarikat MSC beroperasi dengan baik tanpa dijejaskan oleh keadaan ekonomi dan kewangan sekarang.

"Bagi syarikat-syarikat antarabangsa inilah masanya untuk mereka melabur, manakala bagi syarikat tempatan mereka boleh mendapat lebih banyak pertukaran asing dengan eksport mereka," katanya. -- BERNAMA

RV WAT